

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kelemahan dan langkah pembaikan yang diambil untuk membanteras kes-kes rompakan kapal minyak oleh lanun sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jenayah rompakan mempunyai modus operandi yang tersendiri dan seringkali melibatkan rentas sempadan. Sasaran bagi kes rompakan terancang lebih tertumpu kepada kapal dagang yang membawa *Marine Gas Oil* (Minyak diesel vesel) dan *Automotive Diesel Oil* (Minyak diesel kenderaan). Jenayah ini rumit untuk diselesaikan kerana perlu mengambilkira faktor warganegara (*players*), pendaftaran vesel (*flagstate*), perbezaan antara pemilik kargo dan pemilik kapal, serta lokasi kejadian rompakan bagi menentukan penguatkuasaan bidang kuasa (*jurisdiction*). Kes-kes rompakan dan rampasan kapal yang berlaku di luar Perairan Wilayah menyukarkan lagi proses penguatkuasaan.

Oleh itu, langkah-langkah berikut telah diambil;

1. Mempercepatkan proses *Maritime Security Bill*;
2. Penguatkuasaan ke atas *Phantom Ship* secara berterusan bagi melumpuhkan sindiket rompakan dan pelanunan;
3. Mengenalpasti dan melaksanakan pemeriksaan terhadap 'teksi air' yang melaksanakan pertukaran barter dan khidmat pengangkutan di antara kapal-kapal yang sedang bersauh terutama di kawasan Perairan Johor. 'Teksi air' ini dipercayai terlibat sebagai mata dan telinga kepada kumpulan perompak dari sindiket penyeludupan minyak diesel;

4. Memfokuskan sumber-sumber risikan di jeti-jeti persendirian yang dipercayai menjadi lokasi tumpuan utama kegiatan penyeludupan dan penjualan minyak diesel;
5. Mengadakan kerjasama yang erat dengan komuniti maritim khususnya syarikat-syarikat perkapalan melalui program dialog bersama Persatuan Pengusaha-pengusaha Perkapalan Malaysia (*Malaysian Ship Owners Association*) bagi menyalurkan maklumat serta mengumpul sumber-sumber risikan;
6. Melaksanakan penguatkuasaan inter-agensi bersama agensi-agensi penguatkuasa lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Pasukan Gerakan Marin (PGM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) melalui beberapa siri mesyuarat dan operasi bersama secara berkala;
7. Mengembangkan jaringan kerjasama dengan negara jiran di serantau ASEAN. Hubungan baik antara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bersama *Western Fleet Quick Response* (WFQR) melalui perkongsian maklumat telah membawa kepada pengesanan lokasi MT ORKIM HARMONY pada 11 Jun 2015 yang lepas;
8. Di bawah ASEAN SOMTC (*Senior Officials Meeting on Transnational Crime*), Malaysia juga merupakan peneraju di dalam isu berkaitan jenayah rompakan/pelanunan di laut. APMM telah membentangkan perancangan aktiviti menangani kes rompakan melalui seminar,

bengkel dan juga latihan berkala yang telah dipersetujui oleh ahli SOMTC; dan

9. Pengawasan udara oleh Indonesia, Singapura dan Malaysia secara bersama melalui inisiatif *Eye in the Sky*.

Sekian. Terima kasih.